

KECINTAAN BAHASA MALAYSIA ASAS KECINTAAN NEGARA – PM

UM 11 DEC 1987

KUALA LUMPUR 10 Dis. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata kecintaan terhadap bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan adalah salah satu asas kecintaan terhadap negara yang perlu dipupuk dan dikembangkan dengan amalan. Perdana Menteri mengingatkan amalanlah yang akan menjadi bukti menyuburkan dan memekarkan perasaan cinta serta memberi keyakinan untuk torus mencintai bahasa kebangsaan.

"Tanpa mengamalkannya sukar kita hendak meyakinkan diri kita sendiri don orang lain bahawa kita mencintai bahasa kebangsaan kita," katanya dalam perutusan sempena pelancaran gerakan "cintailah bahasa kita" esok. Datuk Sri Dr. Mahathir yang akan melancarkan gerakan itu di Hotel Shangri-La di sini menombah pengamalannya merupakan unsur rohonia yang harur bersemi dan terbina tanpa paksaan mono-mono pihakpun. Beliau berharap gerakan ini



akan menyedarkan semua rakyat tentang betapa pentingnya amalan berbahasa kebangsaan untuk mencapai perpaduan dan kesejahteraan rakyat dan negara yang dicintai. Sementara itu Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim dalam

perutusannya pula menegaskan mottamat hendak menjadikan bahasa kebangsaan sebagai faktor utama bagi perpaduan rakyat dan pembentukan jiwa Malaysia tetap akan diletakkan di baris depan. Menurut beliau, ini kerana keteguhan benteng bahasa

PROGRAM

11 Disember

9.30 pagi — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad lancar gerakan "Cintailah bahasa kita" di Hotel Shangri-La Kuala Lumpur. Majlis ini akan disiarkan secara langsung oleh RTM dan TV3.

menjadi asas bagi ketahanan dan keutuhan negara. Encik Anwar memberi jaminan kerajaan akan terus peliharo dan pertahankan keaugunan bahasa Melayu yang tercipta selama ini. Menteri itu memberitahu gerakan "cintailah bahasa kita" yang bermula esok wadiah kegiatan dan usaha yang berterusan yang akan dijalankan pada peringkat kerajaan dan bukan kerajaan untuk menyeloraskan dan memesatkan pelaksanaan dasar bahasa kebangsaan. Katanya, untuk mencapai mottamat jangka panjang Program don kegiatan gerakan ini akan dilaksanakan di semua peringkat pusot dbn negeri dengan penglibatan dan penyertaan semua kaum dan golongan masyarakat. Menurutnya, program don kegiatan yang dirancangan mencakup

keduo-duo segi pembinaan don pengembangan bahasa ioitu program "penyebaran moklumat" bahasa dan program "pemulihan" atau "pembaikan" bahasa. Beliau menjeluskan kedua-duanya bertujuan untuk meningkatkan penguatkuasaan bahasa Malaysia di kalangan pengguna dan memperluas penggunaannya ke semua sektor di seluruh negara. Manakala Ketua Pengorah Dewan Bahasa dan Pustaka, Datuk Haji Hossan Ahmad dalam perutusannya berkata salah satu kegiatan penting yang akan dilaksanakan sempena gerakan ini ialah meningkatkan mutu dan keupayaan berbahasa Malaysia yang baik dan berkesan di kalangan semua lapisan masyarakat. Katanya, adalah diharapkan dengan ini bahasa Malaysia yang betul dan baik dapat digunakan dengan meluas dalam semua urusan dan kegiatan.

Menurut beliau pembinaan don pengembangan bahasa Malaysia torus mengalami proses pemantapan don penyempurnaan untuk menjalankan peranannya yang lebih meluas dalam bida ng pentadbiran, pendidikan dan komunikasi umum. Datuk Haji Hassan berkata, tata bahasa Malaysia yang menjadi tata bahasa pegangan juga telah dapat dibakukan.

Beliau menambah Perbendaharaan istilah pula berkembang dengan pesat sesuai dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan keperluan pendidikan tinggi dan usaha pemantapan giat dilakukan melalui penerbitan kamus-kamus istilah. Di samping itu, katanya, pedoman sebutan jugo telah dimantapkan dan akan dilaksanakan di sektor pendidikan pada tahun hadapan.